

# RANCANGAN PERNIAGAAN CLASSIC HERITAGE HOTEL

Disediakan untuk :

Prof. Madya Tuan Haji Ilias Zaidi  
Pensyarah ETR 300  
(Asas Keusahawanan)

Disediakan oleh :

- |                                      |          |
|--------------------------------------|----------|
| 1. Mohamad Souffie bin Abdul Rahman  | 95938737 |
| 2. Mohd. Nor Din bin Ahmad           | 95204210 |
| 3. Ahmad Faizul Rahimi bin Abu Ishak | 95403579 |
| 4. Nor Faezah binti Saini            | 95979997 |
| 5. Huzaimah binti Hussin             | 95286341 |

Bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan  
matapelajaran

Asas Keusahawanan (ETR 300)

Semester 05  
Diploma Pentadbiran Awam  
Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Melaka

9 Februari 1998

Pelajar Semester 05  
Diploma Pentadbiran Awam  
Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Melaka  
Km 26 Jalan Lendu  
78000 Aior Gajah  
Melaka

9 FEBRUARI 1998

Prof Madya Tuan Haji Ilias Zaidi  
Pensyarah ETR 300 (Asas Keusahawanan)  
Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Melaka  
Melaka

Tuan

Penyerahan Rancangan Perniagaan 'CLASSIC HERITAGE HOTEL'

Merujuk kepada perkara di atas, kami dengan ini menyerahkan rancangan perniagaan kami sebagaimana yang telah diarahkan oleh tuan. Projek perniagaan yang kami rancang diberi nama 'CLASSIC HERITAGE HOTEL' iaitu sebuah hotel bertaraf satu bintang.

Rancangan perniagaan ini ialah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) yang diambil oleh pelajar Semester 05 di ITM. Mata pelajaran ini membolehkan para pelajar mengetahui dan mempelajari cara-cara menjalankan sesebuah perniagaan dan juga mengorientasikan para pelajar kepada dunia perniagaan dan keusahawanan.

Kami berharap agar tuan akan berpuas hati dengan hasil usaha kami ini. Kami dengan ini menyerahkan rancangan perniagaan "CLASSIC HERITAGE HOTEL" ini untuk penilaian akademik daripada pihak tuan.

Sekian, kami akhiri dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

.....  
MOHAMAD SOUFFIE BIN ABDUL RAHMAN  
95938737

.....  
MOHD NOR DIN BIN AHMAD  
95204210

.....  
AHMAD FAIZUL RAHIMI BIN ABU ISHAK  
95403579

.....  
NOR FAEZAH BINTI SAINI  
95979997

.....  
HUZAIMAH BINTI HUSSIN  
95286341



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

21hb. November 1997

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

**100-CM(AKA 37/B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

**06-5591067**

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Mohamad Souffie Abd Rahman	95938737
2.	Mohd Nor Din Ahmad	95204210
3.	Ahmad Faizul Rahimi Abu Ishak	95403579
4.	Nor Faezah Saini	95979997
5.	Huzaimah Hussin	95286341

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**ROZALLI HASHIM**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 CLASSIC HERITAGE HOTEL adalah sebuah perniagaan hotel bertaraf satu bintang. Perniagaan yang memberi perkhidmatan penyewaan bilik penginapan ini begitu sinonim dengan industri pelancongan. Kami melihat perniagaan ini memiliki potensi yang besar untuk berkembang dan berdaya maju berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan di bawah.
- 1.2 Tahun 1998, yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai Tahun Sukan dan Rekreasi akan melangsungkan temasya sukan Kuala Lumpur '98: Sukan Komanwel Ke-16. Temasya sukan kedua terbesar di dunia pada September ini akan menjana industri pelancongan negara berikutan kedatangan pelancong luar dan dalam negara untuk menyaksikan temasya sukan tersebut. Secara tidak langsung temasya ini akan mengenalkan Malaysia kepada dunia luar.
- 1.3 Krisis ekonomi yang dialami oleh Malaysia sekarang iaitu nilai matawang Ringgit (RM) yang merudum secara tidak langsung menggalakkan pelancong asing datang ke negara ini kerana nilai matawang negara mereka adalah lebih tinggi daripada nilai Ringgit dan kos melancong di negara ini dianggap 'murah' kerana hal tersebut. Kedatangan mereka akan menambahkan permintaan terhadap bilik hotel di negara ini bagi menampung kedatangan para pelancong negara ini.